



BULETIN SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LAPORKAN RASUAH
1-800-88-6000



SPRM Bil 2/2016

ISSN : 1675 -5170

Bebas • Telus • Profesional

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Corruption Risk Management (CRM)

Pengukuran Imej, Tanggungjawab & Akauntabiliti Organisasi



Powered by



Partnership
to Fight
Corruption

Temubual Eksklusif



Dr. Anis Yusall



www.macc.fm



facebook.com/SPRM



www.sprm.gov.my



www.ourdifferentview.com



youtube.com/user/ODVMACC

Ikuti kami :



@SPRMCommunity



@SPRMMalaysia



flickr.com/photos/ourdifferentview



Pencegahan & Pendidikan

- Walk-About
- CIP JAKOA

KANDUNGAN

PENA PENGARANG 2

PERUTUSAN DIRAJA
Titah Sultan Nazrin Muizzudin Shah

SLOT KHAS
Bersama Ketua Pesuruhjaya
di Konti MACC.fm (Samb. Bahagian 2).

MACC.FM BERSAMA...
Dr. Anis Yusali
(Presiden & CEO Integriti)

RENCANA KHAS
ACE & CRM

LENSA SPRM 10

PENDIDIKAN
Fokus Cameron Highlands

PENCEGAHAN
Perkembangan CIP

ALL SPRM
Merakyatkan SPRM

SUDUT SANTAI 15

PENCETAK
MPH Group Printing (M) Sdn Bhd
No.31 Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi
Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur
Tel : 03-7987 0966 | Faks : 03-7984 0966

Pena Pengarang

Assalamualaikum WBT,
Salam Sejahtera dan Salam 1-Malaysia.

Pencegahan rasuah sememangnya memerlukan penglibatan semua pihak dalam mewujudkan suasana serta persekitaran yang bebas serta kebal daripada gejala rasuah. Justeru, umpama kata "Prevention is Better than Cure" boleh juga dikatakan sebagai "Prevention is a Better Cure". Usaha SPRM pada tahun ini akan melihat tumpuan yang lebih menyeluruh kepada strategi utama SPRM – Strategi Serampang Tiga Mata (Three-Pronged Strategy), dimana penekanan serata diberi kepada aspek penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan.

Pelbagai laporan serta perbincangan di peringkat antarabangsa yang melibatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations), World Bank dan komuniti madani (civil society organisations) sedang giat memberi tumpuan kepada aspek pencegahan yang bertujuan mencari rawatan kepada punca akar (root cause analysis) masalah rasuah yang menjelaskan persekitaran sosio ekonomi yang beretika. Masyarakat perniagaan seumpamanya sedang mengembangkan usaha untuk memastikan sistem tadbir urus yang kukuh dari segi pematuhan dan kerangka anti-rasuah yang lasak.

Pihak SPRM pada 2016 telah mula misinya dalam meningkatkan serta meluaskan usaha memperkasakan pencegahan rasuah di sektor swasta. Usaha SPRM akan memperlihatkan keterlibatan yang khusus kepada sektor-sektor berisiko tinggi dari segi pendedahan kepada gejala rasuah. Antaranya adalah organisasi di industri pembinaan, gas dan minyak, telekomunikasi, kewangan dan perbankan.

Salah satu inisiatif SPRM adalah menyumbang dalam perkhidmatan perundingan kepada sektor swasta selain daripada mengadakan program-program pendidikan yang akan merangkumi perbincangan meja bulat serta program awam seperti forum dan kempen kesedaran pencegahan rasuah. Sehubungan ini, bagi menangani rasuah di sektor swasta, pusat ACE atau Anti Corruption and Ethics Centre telah diwujudkan sebagai sebuah pusat rujukan bermaya yang khusus untuk warga sektor swasta. Selain itu, CRM atau Corruption Risk Management merupakan produk utama yang akan menerajui usaha sektor pencegahan SPRM di sektor swasta.

Edisi Buletin SPRM ini juga memaparkan pelbagai usaha strategi pendidikan SPRM yang melibatkan masyarakat madani (civil society) dan warga sekolah dalam membangunkan lapisan masyarakat yang akan kuat dan kental dalam menghindari rasuah. Usaha dalaman melibatkan Akademi SPRM telah menghasilkan pegawai-pegawai SPRM baru dan juga usaha memperluaskan kesedaran dan pendidikan pencegahan rasuah kepada murid-murid sekolah melalui program WAR (Wira Anti Rasuah).

Usaha-usaha sebegini lebih bertujuan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat Malaysia untuk bersama SPRM mencegah rasuah. Sekiranya akar dan minda disuburi serta dipupuk dengan baja integriti, maka berdiri tegak, kuat dan megah masyarakat Malaysia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak 1437 Hijrah dan selamat menuaikan ibadah puasa buat semua warga SPRM. Saya doakan agar kita mendapat kesihatan yang baik dan mampu menuaikan ibadah puasa dengan sempurna.

DATO' SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD. JAMIL
Penasihat Eksekutif Editorial





**TITAH SULTAN PERAK,
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
SEMPENA MAJLIS ANUGERAH BISNES UTUSAN 2015
DI PUSAT KONVENTSYEN KUALA LUMPUR,
PADA 2 MAC 2016**

RASUAH PERLU DIPANDANG DENGAN RASA JIJKI

“Rasuah adalah isu penting yang wajib ditangani dengan segala kesungguhan melalui langkah-langkah tegas oleh pelbagai agensi yang bertanggungjawab, tanpa gentar-tanpa pilih kasih. Kebenaran yang berpaksikan undang-undang wajib ditegakkan, tanggungjawab kepada Allah SWT dan tanggungjawab kepada negara hendaklah berada di atas tanggungjawab terhadap mana-mana kumpulan atau individu.”

“Rasuah adalah barah yang dikatakan sedang merebak dalam batang tubuh negara; rasuah bagaikan anai-anai yang sedang membusut besar dan semakin mereputkan tonggak-tonggak utama negara. Masakan pokok semakin bergoyang jika tiada angin yang meniupnya.”

“Kegagalan memerangi dan kegagalan membanteras rasuah secara serius, secara bersungguh, secara berkesan, secara komited, dibimbangkan berpotensi melumpuhkan negara dan rakyat keseluruhannya, terpaksa membayar dengan penderitaan dan

kesengsaraan seperti yang dialami oleh rakyat di kebanyakan negara mundur.” “Salah laku rasuah hendaklah dilaporkan tanpa memihak, tanpa gentar- tanpa berat sebelah, kerana rasuah ialah rasuah walau siapa juga yang melakukannya.”

“Warga perlu diasuh dengan budaya yang benci rasuah dan menolak pemimpin yang melakukan rasuah. Warga perlu dididik untuk memandang rasuah dengan rasa amat jijik.”

“Ruang yang meningkatkan kesedaran tentang rasuah hendaklah disediakan. Contoh tokoh-tokoh yang bersih rasuah boleh dijadikan teladan sementara kisah-kisah pemimpin yang melakukan rasuah boleh dijadikan sempadan.”

“Memerangi rasuah hendaklah dijadikan satu perjuangan- satu jihad. Adalah menjadi tanggungjawab fardhu kifayah dan tanggungjawab kenegaraan untuk setiap warga berperanan aktif memelihara negara daripada terjerumus ke lembah kehinaan.”

SLOT KHAS



Bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM

Sambungan Bahagian 2, temubual khas di MACC.fm

SOALAN 8:

Berkenaan VIP, Tan Sri pernah mengatakan dalam sebuah temubual akhbar, "jika tidak mahu disiasat, jangan jadi pemimpin".

Mungkin Tan Sri boleh menjelaskan maksudnya?

Ini berkaitan dengan beberapa pemimpin negeri atau politik yang disiasat sebelum ini dimana ahli-ahli politik yang memegang jawatan atau kuasa sering terdedah kepada tohmahan-tohmahan menjurus kepada perlakuan rasuah. Sememangnya SPRM akan menjalankan tugasnya untuk menyiasat keatas tohmahan dan aduan sedemikian. Mereka tidak seharusnya sensitif dengan perkara tersebut kerana ia merupakan proses untuk mencari kebenaran keatas aduan atau tohmahan-tohmahan tersebut.

Sekiranya hasil siasatan tidak membuktikan perlakuan tersebut maka ia selesai. Isunya disini adalah bahawa siasatan SPRM ini sering dimanipulasikan sebagai alat politik. Sekiranya hendak menjadi seorang pemimpin dengan kuasa, kedudukan dan pangkat, bersedia lah berhadapan dengan aduan-aduan dan tohmahan-tohmahan kerana itu merupakan sebahagian daripada "job hazard" yang tidak boleh dielakkan dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, kami menasihatkan pemimpin-pemimpin agar meningkatkan ketelusan. Lebih tinggi ketelusan, makin lebih kurang kemungkinan aduan dan tohmahan.

Sekiranya penjelasan kepada masyarakat diterima maka bilangan aduan akan berkurangan. Isunya timbul apabila wujud ketidakwajaran dalam pemberian tender yang mengakibatkan keluhan, aduan dan tohmahan.

Sejarah dunia membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin yang memberikan penekanan kepada ketelusan mempunyai tohmahan yang kurang. Contohnya, di Korea Selatan, pada satu ketika terdapat banyak tohmahan terhadap Datuk Bandar Seoul (ibu negara) berkenaan perolehan. Melalui prinsip ketelusan yang tinggi, terutamanya penggunaan sistem IT (teknologi maklumat) dalam pengurusan perolehan, didapati penurunan yang cukup jelas ke atas aduan (complaint) dan tohmahan yang mempersoalkan integriti.

SOALAN 9:

Rumours (khabar angin) sedang mengatakan bahawa Tan Sri akan meletakkan jawatan atas sebab kesihatan. Apakah respon Tan Sri berkenaan rumours ini?

Terdapat banyak "rumours" dan antaranya bahawa saya akan ditukarkan, akan berhenti dan sebagainya. Pertama, tiada sebarang tekanan keatas saya, malah saya tidak akan berhenti atas sebarang tekanan kerana tanggungjawab ini adalah penting. Setakat pengetahuan saya, tiada sebarang permohonan daripada saya untuk berhenti ataupun bersara dan sebagainya. Tetapi apa yang akan berlaku pada masa hadapan kita tidak pasti. Saya ingin menjelaskan bahawa selagi saya sihat, saya akan menerajui SPRM. Ia berlainan sekiranya saya tidak sihat dan diperlukan untuk berehat. Tetapi setakat hari ini, perkara tersebut tidak wujud.

SOALAN 10:

Ketika Tan Sri mengalami masalah kesihatan semasa permasalahan besar yang melanda SPRM, apakah yang sebenarnya berlaku dan perasaan Tan Sri pada masa itu?

Pada masa itu saya terpaksa menjalani pembedahan akibat ketumbuhan di saluran saraf belakang. Masa itu (3 hari sebelum Hari Raya) tahap kerja kami berada di peringkat yang penting berkenaan siasatan kes yang besar dan saya telah meminta agar pembedahan tersebut ditangguhkan (ke 7 atau 8 haribulan). Pada masa tersebut saya masih menjalankan tugas dengan bantuan ubat tahan sakit.

Malah, saya terpaksa melapor diri ke hospital dua (2) hari sebelum tarikh pembedahan dimana saya dihendaki berehat tanpa sebarang gangguan (sehingga tidak dibenarkan untuk menggunakan telefon) oleh kerana pembedahan tersebut memerlukan saya berada dalam tahap ketenangan yang tinggi.

Pada masa insiden (pada 8hb Ogos) dimana pegawai saya diarahkan berpindah ke JPM, saya sedang menjalani pembedahan (selama 8 jam) dan seterusnya dimasukkan ke wad ICU pada kesokan harinya. Alhamdulillah, semua pegawai SPRM bersatu menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk menyelesaikan kes pada masa tersebut. Itu yang paling penting dan saya amat menghormati pegawai-pegawai SPRM dalam menghadapi masalah tersebut. Tetapi saya teramat ingin untuk berada bersama pegawai saya tetapi atas kehendak Tuhan, saya terpaksa berada dalam keadaan yang berbeza.



SOALAN 11:

Tan Sri banyak memainkan peranan dalam mengharumkan nama SPRM di peringkat antarabangsa. Apakah pencapaian, pengiktirafan diperolehi SPRM yang telah membuka mata dunia?

Pertamanya, peranan kami di peringkat antarabangsa adalah atas penubuhan institusi pencegahan rasuah ini yang cukup matang. Penubuhan kami semenjak tahun 1967 sememangnya memenuhi keperluan Artikel 37 United Nation Convention Against Corruption (UNCAC) untuk negara-negara yang menandatangani UNCAC untuk menuahkan satu badan pencegahan rasuah (satu perkara baru untuk masyarakat antarabangsa pada ketika kewujudan UNCAC).

Tambahan pula penglibatan saya dalam pelbagai landasan seperti forum-forum dan institusi-institusi antarabangsa, contohnya sebagai ahli kumpulan pakar (sejak tahun 1997 sehingga 2 tahun lepas) dalam membantu pihak Interpol membentuk dasar etika kaedah menangani masalah rasuah di peringkat penguatkuasaan undang-undang. Hasil pelbagai kerja yang kita laksanakan serta pendedahan-pendedahan bersama pelbagai agensi juga telah menjadikan SPRM sebuah agensi yang kredibel dan boleh dicontohi.

Malah ada yang mempertikaikan nilai SPRM yang tinggi ini. Disini saya ingin menjelaskan melalui pengumpamaan doktor mana yang kita akan pilih? Dua doktor mempunyai pengalaman lama, satu terdedah kepada beberapa pesakit dan seorang lagi terdedah kepada ramai pesakit dan pelbagai jenis penyakit. Pengalaman doktor yang berhadapan dengan pelbagai jenis karenah penyakit menjadikan beliau lebih matang dan lebih berkemahiran di dalam menyelesaikan masalah penyakit. Dalam konteks ini orang akan ingin belajar daripada siapa? Kita ambil contoh bandar New York yang mempunyai kadar jenayah (crime) yang tinggi berbanding dengan bandar lain yang mempunyai kadar jenayah yang rendah. Penguatkuasa di New York mempunyai kemahiran teknologi, kemampuan

SLOT KHAS

menyiasat yang lebih baik daripada negara yang tidak ada pendedahan kepada masalah-masalah jenayah. Inilah yang saya ingin jelaskan. Masyarakat antarabangsa ingin belajar daripada SPRM atas sebab pendedahan kita yang cukup banyak berhadapan dengan pelbagai masalah serta cabaran.

Saya sendiri telah banyak terlibat dalam membentuk “best practices” untuk Interpol dan beberapa negara. Kita juga dijemput untuk memberi khidmat nasihat berkenaan penubuhan agensi penguatkuasa undang-undang pencegahan rasuah serta langkah-langkah terbaik untuk memerangi rasuah. Selain itu, kita juga terlibat dengan Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IAACA) di Vienna dan perlantikkan saya sebagai Naib Presiden di IAACA (International Authorities Of Anti-Corruption Agencies).

Kesemua ini merupakan satu pengiktirafan daripada masyarakat antarabangsa berdasarkan pendedahan serta pengalaman SPRM dan juga latar belakang saya sebagai seorang pegawai SPRM selama lebih 30 tahun.

SOALAN 12:

Apakah hala tuju dan sasaran SPRM pada tahun 2016 dan apakah gambaran Tan Sri terhadap SPRM dalam masa lima tahun akan datang?

Target tidak berubah tetapi kita perlu mengolah sedikit atas sebab peruntukkan bajet yang berkurangan. Isu sekarang adalah dari segi kekuatan kreativiti pegawai-pegawai SPRM.

Maka pada tahun 2016, kita memberi penekanan kepada aspek modal insan, yang merupakan aset kita yang terpenting di dalam organisasi kami. Kita akan mengembeling potensi-potensi pegawai kita untuk mewujudkan sebuah suasana kreatif dalam berhadapan dengan kekangan bajet dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang lebih mantap daripada tahun lepas. Saya yakin sekiranya kita melaksanakan inisiatif ini secara serius, kita akan terus cemerlang walaupun berdepan dengan kekangan.

SOALAN 13:


Akhirnya, apakah pesanan Tan Sri kepada pegawai-pegawai SPRM dan khususnya kepada pendengar MACC.fm?

Kepada pegawai SPRM, saya meminta mereka untuk melakukan yang betul dengan berpegang kepada prinsip profesionalisme, serta bebas dan menegakkan keadilan.

Kepada masyarakat, saya berharap agar masyarakat dapat memahami bahawa SPRM melaksanakan undang-undang yang sedia ada yang mempunyai kekangan-kekangan. Yang paling penting adalah bahawa SPRM wujud atas kepercayaan dan sokongan masyarakat. Sekiranya mereka percaya kepada kita, kita meminta untuk meneruskan sokongan terhadap kita. Pada masa yang sama, percayalah bahawa kita sedang melakukan yang terbaik untuk masyarakat dengan melaksanakan undang-undang yang dibentuk dan diluluskan oleh Parlimen untuk memerangi rasuah.



Tan Sri Abu Kassim bersama Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil (dua dari kiri), Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat dan krew MACC.fm



IIM- PENERAJU INTEGRITI NEGARA KINI BERJENAMA INTEGRITI

"Jika dulu Institut Integriti Malaysia dikenali dengan singkatan IIM, kini ia telah dijenamakan semula dengan singkatan nama 'Integriti'. Demikian ujar Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia Dr. Anis Yusal Yusoff semasa ditemubual di slot 'Chit Chat Wednesday' di MACC.FM.

Wawancara membincarakan tentang penjenamaan semula integriti serta inisiatif-inisiatif baru yang diperkenalkan bagi menangani permasalahan integriti di negara ini.

Antara inisiatif baru ialah dengan memperkenalkan ujian psikometri dengan kerjasama pihak MIMOS berkenaan proses penempatan penjawat awam bagi memastikan penjawat awam yang dilantik adalah sesuai bukan sahaja daripada segi akademik malah mempunyai sifat integriti yang tinggi terutama bagi mengisi jawatan-jawatan yang berisiko tinggi dan penting.

Selain itu turut diperkenalkan adalah program bulanan Malam Seni Integriti (Integrity Art Night) yang akan menampilkan para seniman yang akan mempersembahkan nyanyian, lakonan atau deklamasi sajak bertemakan 'Integriti'. (Breakfast talk juga diadakan secara bulanan dengan menampilkan pakar-pakar dalam sesuatu topik berkaitan pengurusan integriti.)

Sesi 'Breakfast Talk' merupakan sebuah lagi inisiatif baru yang menarik dan bermanfaat. Sesi forum ini mengulas serta mengupas topik-topik terkini dan penting bersama barisan panel pakar dan berpengalaman.

Perkembangan INTEGRITI boleh didapati dilaman web www.integriti.org



PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Corruption Risk Management (CRM)

Pengukuhan Imej, Tanggungjawab & Akauntabiliti Organisasi

Sudah menjadi satu amalan bagi syarikat-syarikat korporat untuk menggunakan pengurusan risiko ke arah mengatur strategi perniagaan masing-masing. Pengurusan risiko menjadi satu sarana yang penting bagi mereka untuk mengenalpasti dan menganalisa persekitaran dalaman dan luar syarikat, serta sistem, keadaan persekitaran perniagaan dan juga pihak-pihak yang berkepentingan.

Pengurusan risiko merangkumi semua bahagian organisasi yang terdedah kepada risiko, samada lanya dari segi kewangan, operasi, pelaporan, pematuhan, urus tadbir, strategik dan nama baik.

Tahun-tahun kebelakangan ini, masyarakat dunia perniagaan dan juga pertubuhan-pertubuhan dunia seperti Bangsa-Bangsa Bersatu, telah menggunakan kaedah dan proses yang serupa dengan pengurusan risiko perniagaan, untuk mengenalpasti satu lagi risiko yang perlu diambil kira oleh penggerak-penggerak ekonomi – risiko rasuah.

Malahan badan standard dunia - International Standard Organisation (ISO) turut mengeluarkan standard Enterprise Risk Management (ERM) ISO 31000:2009 – Risk Management: Principles and Guidelines.

Pada 31 Mei 2016, ISO 37001 akan diumumkan sebagai standard untuk Pencegahan Rasuah.


Sejajar dengan arus dunia perniagaan kini, SPRM telah memperkenalkan Pengurusan Risiko Rasuah (Corruption Risk Management) atau ringkasnya CRM, sebagai salah satu kaedah yang boleh digunakan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Secara tidak langsung, semua organisasi berkemungkinan terdedah kepada gejala rasuah, sementara risiko rasuah pula wujud di semua peringkat pengurusan, di semua fungsi dan aktiviti, serta melibatkan orang berkepentingan di dalam dan luar sesebuah organisasi itu. Sesungguhnya, CRM merupakan satu usaha yang penting dalam inisiatif pencegahan rasuah organisasi dalaman.

Pendekatan CRM versi 2.0 menggunakan satu pendekatan yang merangkumi kaedah pengurusan risiko antarabangsa, ISO 31000:2009 – Risk management: Principles and guidelines, and UN's Global Compact: "A Guide for Anti-Corruption Risk Assessment"

Dalam perlaksanaan CRM, penilaian risiko rasuah menjadi sarana diagnostik yang mana ianya merupakan satu usaha ke arah mengenalpasti kelemahan dalam sesuatu sistem yang boleh membuka ruang dan peluang untuk berlakunya gejala rasuah.

Sebagaimana ERM, kaedah dan proses CRM berupaya untuk mengurus risiko rasuah ke arah mencapai matlamat bisnes atau kegiatan sesebuah organisasi. Kegiatan utama kaedah CRM adalah penilaian risiko-risiko rasuah yang telah dikenalpasti. Secara keseluruhan, CRM merangkumi empat peringkat, iaitu, Pengesanan, Pengukuran, Penilaian dan Pemantauan. Malah, proses CRM juga menghidangkan peluang untuk berbincang secara berkesan berkenaan pencegahan rasuah dalaman yang menjurus kepada aspek kepertanggungjawaban dan akauntabiliti secara lebih mendalam.



Dalam mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalaman yang boleh mewujudkan peluang berlakunya rasuah, proses CRM 2.0 juga membantu membentuk satu rangka kerja di mana semua kaitangan terlibat dalam mengenalpasti faktor-faktor risiko rasuah dan tindakan baik pulih / tambah baik, dan seterusnya menerapkan langkah-langkah pencegahan rasuah dalam rangka urus tadbir organisasi berdasarkan kepada 7 Terma Rujukan CRM.

TERMA RUJUKAN CRM



Pengurusan risiko rasuah yang berkesan memerlukan komitment yang jitu dari pucuk pimpinan sesebuah organisasi, termasuk aspirasi mereka ke arah menubuhkan budaya organisasi yang berteraskan integriti, kejujuran dan pengzahiran nilai-nilai korporat yang jelas, di samping satu kerangka dasar yang menyeluruh.



ACE is established to address corruption, focusing on knowledge and education on corruption prevention, and promoting the highest standard of professionalism, based on the principle of honesty and integrity, goodwill and courtesy.

It is a virtual resource centre that serves as a platform providing knowledge, information, and awareness about corruption. An initiative of change, it is developed in corresponding to the need for corruption prevention efforts among the public and private sectors in Malaysia, and abroad.

ACE will also serve as a partner to connect with the various groups directly and effectively to identify and formulate tools and solutions, incorporating anti-corruption measures and controls for organisations, businesses and enterprises to utilise.

Objectives

- To provide practical insights, resources and peer exchange opportunities focused on strengthening oversight governance of anti-corruption system and control to the board members and top management of the private and public sectors;
- To act as a knowledge resource centre and provide the support to the board members and top management of the public and private sectors in fighting corruption;
- To address the array of challenges facing boards and business today- from corruption risk management, integrity issues, strategy and compliance with global and bribery measures;
- To provide benchmark, standards, guidelines, and toolkits;
- To champion public interest burning issues;
- To work with Minister's Coalition Committee (JITU)- another source of information is ACE in working with a particular target group regarding anti-corruption initiatives;
- To be as subject matter experts, expertise in high risk industries; and
- To provide trainings and awareness programmes

ACE Prevention Measures

- Promoting cooperation between law enforcement agencies and relevant private entities
- Promoting the development of standards and procedures designed to safeguard the integrity of relevant private entities
- Preventing conflicts of interest

Who Can Benefit?

- Private Sectors / Organizations
- Government Link Companies
- Public Agencies
- Enforcement Agencies
- Civil Society
- Board Members/Top Management

Garis panduannya menggalakkan pendekatan dari atas ke bawah, di mana risiko-risiko yang kritis berkait rapat dengan matlamat strategik sesebuah organisasi. Pendekatan ini berkemampuan untuk mengenalpasti serta menganalisa faktor serta punca akar risiko-risiko rasuah dan seterusnya menilai tahap risiko tersebut untuk menentukan pelaksanaan serta pemantauan program pemulihan/intervensi yang berkesan.

Sejak diperkenalkan pada 2015, perkhidmatan perundingan CRM 2.0 oleh SPRM telah diceburi oleh 9 Kementerian, 3 GLC dan 11 Jabatan Kerajaan. Usaha pencegahan ini secara tidak langsung mempunyai potensi untuk mengukuhkan imej sesebuah organisasi dalam memastikan penerapan sikap Toleransi Sifar Rasuah serta budaya organisasi yang beretika dan berintegriti tinggi.

HUBUNGI CRM 2.0

ACE CENTRE

Level 8, Wisma Prisma, 62675 Presint 3, Putrajaya.

www.sprm.gov.my

ace@sprm.gov.my

03 - 8890 0600

03 - 8890 5182

MAC

MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM SIRI 18 1/2015 (PENGUASA) & SIRI 19 1/2015 (PENOLONG PENGUASA)

26 MAC 2016 | PENDANG, KEDAH



Perbarisan oleh kadet SPRM yang bakal meneruskan misi mencegah rasuah



Pemeriksaan perbarisan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Dato' Sri Shukri bin Abdull.



Dato' Sri Shukri membacakan ucapan rasmi Ketua Pesuruhjaya semasa Majlis Tamat Latihan.

PROGRAM MERAKYATKAN SPRM DI JELAPANG PADI

24 - 26 MAC 2016 | PENDANG, KEDAH



Ceramah Integriti menyentuh hati murid-murid SK Guar Kepayang.



"Saya suka Integriti, Benci Rasuah"
SK Guar Kepayang bergema.



Pengarah PENMAS SPRM,
Dato' Shamshun Baharin berkongsi ilmu semasa forum "Dari Hati Membina Integriti" bersama penduduk Pendang.

PROGRAM MERAKYATKAN SPRM DI PANTAI TIMUR

18 APRIL 2016 | TELUK CEMPEDAK, PAHANG



Dato' Sri Hj. Mustafar bin Ali melancarkan misi Merakyatkan SPRM



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, mesra berinteraksi dengan warga muda Kuantan.



"Kami benci RASUAH",
laungan sokongan padu daripada kumpulan 'bikers' yang handal.

KONVOKESYEN CeIO (PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH) KE-5

8 APRIL 2016 | PWTC, KUALA LUMPUR



Barisan ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah



Permulaan Majlis Konvokesyen disempurnakan dengan perarakan barisan CeIO.



Para CeIO dari SPRM serta sektor awam dan swasta menerima sijil pentaulahan daripada KPPA disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri (Dr) Abu Kassim Mohamed.



Kumpulan para pelatih terbaik megah dan bangga dengan anugerah yang diterima.



Barisan Pegawai SPRM bagi tahun 2016 bersama Pengurusan Tinggi SPRM



Kejayaan dan kegembiraan turut dikongsi bersama ahli keluarga.



"Walk About SPRM" - warga SPRM bersempena dengan masyarakat Pendang di UTC Alor Setar dan Pasar Pagi Pendang.



"Walk About SPRM" - warga SPRM bersempena dengan masyarakat Pendang di UTC Alor Setar dan Pasar Pagi Pendang.



"Walk About SPRM" - warga SPRM bersempena dengan masyarakat Pendang di UTC Alor Setar dan Pasar Pagi Pendang.



Ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Pahang turut terlibat dalam menyebarkan usaha pencegahan rasuah.



Pahang Bikers bersama SPRM sebagai Key Communicator menyebar pesanan anti-rasuah.



"SPRM bersama Kuantan" - Walk About SPRM beraksara di UTC Kuantan dalam menyebarkan pesanan pencegahan rasuah!



Majlis Konvokesyen CelO dijalankan dengan penuh disaksikan oleh dif-dif kehormat.



Para CelO dari SPRM serta sektor awam dan swasta menerima sijil pentaulahan daripada KPPA disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri (Dr.) Abu Kasim Mohamed.



Meraikan kejayaan, setelah ditauliahkan sebagai CelO

MISI CAMERON HIGHLANDS

PENCEGAHAN RASUAH DEMI MELINDUNGI ALAM SEMULAJADI DAN KEKAYAAN NEGARA

20 – 22 April 2016



Cameron Highlands pada satu ketika menjadi sambutan serta kunjungan ramai sebagai sebuah tempat yang penuh dengan kekayaan alam semulajadi. Pengunjung ke Cameron Highlands sememangnya diberkati dengan kesegaran dan keselesaan suasana cuaca sejuk dan nyaman.

Tambahan pula kesegaran pilihan sayur-sayuran dan flaura yang menarik minat pengunjung tempatan dan juga antarabangsa. Peristiwa yang melanda kawasan subur dan kaya ini pada tahun 2014 telah membuka mata dan hati ramai pentingnya untuk melindungi eko-sistem yang begitu unik di negara kami. Salah satu punca merupakan perlakuan rasuah yang telah mengakibatkan yang bertanggungjawab tidak melaksanakan amanah yang dipegang.

SPRM dengan tekad memerangi rasuah, telah memulakan misi untuk menyelamatkan Cameron Highlands daripada dilanda bencana berterusan yang berkemampuan menjelaskan pendapatan negara serta alam semulajadi. Setelah mengorak langkah pencegahan pada tahun 2015, sebuah usaha holistik pendidikan masyarakat telah dilaksanakan pada bulan April.

Misi Cameron Highlands telah menampilkan beberapa program utama seperti WAR (Wira Anti Rasuah) untuk golongan sekolah, Forum Khas bersama masyarakat umum dan agensi kerajaan tempatan, Gotong Royong bersama warga Cameron Highlands serta program Walk-About yang membawa SPRM mendekati masyarakat dalam usaha untuk mendidik masyarakat serta menjana sokongan terhadap memerangi rasuah.










Program WAR telah membuka minda serta mencetuskan semangat memerangi rasuah di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah kebangsaan dan jenis kebangsaan (Cina dan Tamil). Lebih 500 pelajar mewakili 18 sekolah di sekitar kawasan Cameron Highlands telah menjadi ahli program WAR.

Pelajar-pelajar ini telah didedahkan kepada pengetahuan berkenaan aspek memperkasakan integriti dan juga aspek pencegahan rasuah melalui landasan prinsip kepimpinan menerusi pelbagai aktiviti seperti ceramah, aktiviti berkumpulan, sesi soal jawab dan kuiz.

Masyarakat umum juga tidak ketinggalan dan menampakkan penglibatan dalam sebuah forum khas yang telah menampilkan agensi kerajaan seperti Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang serta SPRM. Forum tersebut telah memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk berkongsi maklumat serta memahami peranan tanggungjawab masing-masing. Di samping itu, para hadirin diberi peluang untuk menyampaikan keluhan mereka dalam usaha untuk menyelesaikan masalah secara berpadu dan berkesan demi kepentingan dan kebajikan masyarakat Cameron Highlands.

Misi Cameron Highlands SPRM diteruskan dalam projek Gotong Royong membersihkan persekitaran kawasan Dataran Tanah Rata dengan kerjasama Alam Flora, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Daerah Cameron Highland dan 100 pelajar Sekolah Sultan Ahmad Shah. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran komuniti mengenai kepentingan kawasan sejitar yang bersih di samping mengukuhkan jalinan kerjasama di antara agensi tempatan dan SPRM.

Acara Merakyatkan SPRM melalui program Walk-About SPRM berdasarkan pendekatan SPRM bergerak menjadi acara akhir dan kemuncak misi SPRM di Cameron Highlands. Kunjungan warga SPRM ke lokasi umum iaitu Pasar Brinchang untuk menemui masyarakat tempatan memperlihatkan kesungguhan SPRM dalam mendidik dan membantu usaha memerangi rasuah. Selain berinteraksi dengan orang ramai (tempatan dan warga asing), SPRM juga turut mengedarkan bahan kemen.



**PULAU PINANG MENGORAK LANGKAH
KE PERSEKITARAN PERNIAGAAN
BEBAS RASUAH**



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mataysia (SPRM), Dato' Sri Haji Mustafar Ali berkata demikian semasa berucap di Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) PBA Holdings Berhad di sini. "Adalah menjadi hasrat kerajaan dan SPRM agar semua syarikat memerangi rasuah yang akhirnya akan mewujudkan satu 'Corrupt Free Business Environment' di Malaysia," katanya.

Pengarah SPRM Pulau Pinang, Dato' Samarakoo Manikam (duduk kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad, Dato' Jaseni Maidinsa menandatangani CIP dengan disaksikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng dan Dato' Sri Haji Mustafar Ali (berdiri kanan).



KE ARAH PEMBANTERASAN RASUAH MELALUI JENTERA CIP

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menzahirkan komitmen bagi menyokong usaha pencegahan rasuah dengan memeterai Ikrar Integriti Korporat bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Mataysia (SPRM) di Muzium Orang Asli, Gombak, pagi tadi. Ketua Pengarah JAKOA, Dato' Hasnan bin Hassan usaha JAKOA untuk menandatangani CIP ini lebih kepada pembangunan integriti yang berteraskan elemen pengurusan korporat bagi mencapai matlamat memajukan masyarakat Orang Asli.



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mendapatkan kerjasama 44 kontraktor syarikat kelas G3 (E), yang menerima projek DBKL, untuk menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) dalam usaha Pilot Project antara DBKL dan SPRM bertujuan untuk mematuhi tanggungjawab melaksanakan janji kontrak dan memberi hasil berkualiti.



SELANGOR - MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

menzahirkan komitmen perangi rasuah dengan menandatangani kenyataan komitmen bersama SPRM ke arah pembantersan jenayah rasuah secara menyeluruh dan berkesan. Skop persefahaman merangkumi perkongsian kepakaran dalam aspek khidmat runding, penegsanan, penyaluran maklumat, latihan dan usaha-usaha peningkatan integriti.



KEDAH - LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA) TANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT BERSAMA SPRM

bagi menzahirkan komitmen perangi rasuah dengan menandatangani kenyataan komitmen bersama SPRM ke arah pembantersan jenayah rasuah secara menyeluruh dan berkesan. Skop persefahaman merangkumi perkongsian kepakaran dalam aspek khidmat runding, penegsanan, penyaluran maklumat, latihan dan usaha-usaha peningkatan integriti. Pengurus Besar KEDA, Dato' Haji Mohd Arpan Jhari (dua dari kanan) melafazkan ikrar integriti bersama warga KEDA disaksikan oleh Dato' Hj. Mustafar Ali (dua dari kiri), Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM dan Dato' Fauzi, Pengarah SPRM Kedah (kiri).





KUNJUNGAN HORMAT OLEH DELEGASI SUDAN KE SPRM

SPRM dikunjungi delegasi dari Sudan seramai 7 pegawai kanan yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Sudan sempena lawatan kerja untuk berbincang mengenai pengurusan organisasi SPRM dan mempelajari usaha SPRM membanteras rasuah.

PUTRAJAYA – MOF MEMPERKASAKAN USAHA BANTERAS RASUAH apabila menganjur Seminar Pembantersan Penyelewengan dan Penipuan yang disertai oleh 200 peserta merangkumi warga MOF dan agensi dibawahnya dalam usaha untuk menjana idea, maklumat dan mengupas isu-isu berhubung penyelewengan, penipuan, rasuah dan fraud.



KUNJUNGAN HORMAT KE AGENSI-AGENSI PENGUATKUASA

SPRM Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diketuai Pengarah masing-masing (Tuan P. Ganason dan Dato' Seri Ahmad Khusairi bin Yahaya) telah mengadakan kunjungan hormat ke rakan agensi penguatkuasa - Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dengan Ketua Polis di negeri

tersebut (Dato' Amar Singh Ishar Singh dan Datuk Rosli Ab Rahman) dalam usaha untuk menjalinkan hubungan kerjasama dalam memerangi rasuah dan aspek penguatkuasaan khusus kepada kebanjiran pendatang asing dan berkenaan isu narkotik.



SPRM JOHOR DAN PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR MEMPERKASAKAN PERANGI RASUAH –

Pengarah SPRM Johor, Dato' Simi bin Abdul Ghani bersama dengan pegawai kanan SPRM Johor telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Besar Johor, Dato' Khaled Nordin untuk memperluaskan aspek pencegahan rasuah di negeri Johor.

KEY COMMUNICATOR SPR SEBAGAI PENYAMPAI MAKLUMAT DALAM MENYATUKAN MASYARAKAT MENCEGAH RASUAH –



Bengkel Train of Trainer Key Communicator Agent (TOT) 2016 anjuran bersama SPRM dan Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (AsPeRa) dihadir oleh 86 ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) dari seluruh negara diberi latihan untuk memantapkan pemahaman dan pengetahuan berkaitan pencegahan rasuah bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

“Technical Error” Bukan Alasan Dalam Tuntutan Palsu.

Oleh PPs Faridah binti Mahabob

Dalam urusan perolehan seringkali pegawai yang membuat pengesahan terlepas pandang berkaitan dengan Pekeliling Perbendaharaan. Pekeliling berkenaan menyatakan dengan terang dan jelas, hanya kerja-kerja atau pembekalan yang telah disiapkan dan memuaskan sahaja yang akan dibayar. Kesilapan-kesilapan kecil yang dilakukan oleh pegawai pengesah boleh menyebabkan berlakunya tuntutan palsu.

Tuntutan palsu merupakan salah satu kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) iaitu mengemukakan tuntutan yang mengandungi butir matan palsu dengan tujuan untuk mengelirukan prinsipal. Kesalahan ini jika sabit kesalahan boleh menyebabkan tertuduh dihukum di bawah peruntukan Seksyen 24, ASPRM 2009 yang membawa kepada denda sebanyak RM 10,000.00 atau lima kali nilai tuntutan palsu yang dibuat, mana-mana yang lebih tinggi.

Buletin SPRM dalam terbitan sebelum ini pernah mengupas mengenai penyelewengan dalam perolehan kerajaan. Bagaimanapun kupasan berkenaan hanya menyentuh mengenai penyelewangan yang dilakukan oleh beberapa agensi dan TLDM.

Kupasan pada kali ini akan memberi panduan kepada mereka yang terlibat dalam prosedur perolehan tentang cara bagaimana untuk mengelakkan mereka daripada terlibat dalam kesalahan Seksyen 18 ini.

1. Pastikan tuntutan yang dibuat adalah benar.

Pegawai Pengesah perlu memastikan tuntutan yang dibuat adalah benar iaitu sekiranya tuntutan berkenaan berkaitan dengan kerja-kerja penambahbaikan atau pembekalan alat-alatan ianya perlu dilakukan dengan sempurna dan selesai. Kerja-kerja dan pembekalan tersebut juga perlu mengikut spesifikasi yang dibuat sebelum tender diberikan.

2. Jangan tandatangan sebarang tuntutan yang tidak lengkap atau tidak mengikut spesifikasi.

Sebagai pegawai yang bertanggungjawab untuk membuat pengesahan mengenai tuntutan, Pegawai Pengesah tidak perlu menurunkan sebarang tandatangan ke atas tuntutan yang tidak lengkap atau tuntutan yang kerja-kerja penambahbaikan atau pembekalan yang belum sempurna dan tidak mengikut spesifikasi.

3. Arahan daripada mana-mana pihak perlu dibuat secara bertulis.

Sekiranya pegawai yang mengesahkan sesebuah tuntutan menerima sebarang arahan daripada mana-mana pihak untuk meluluskan tuntutan tersebut, pegawai itu perlu memastikan arahan yang diberikan dibuat secara bertulis. Dalam kes tuntutan palsu, dokumen bertulis atau bercetak merupakan bahan bukti yang diperlukan. Sekiranya gagal membuktikan wujudnya bukti mengenai arahan terbabit, secara automatiknya orang yang memberi arahan akan terlepas daripada sabitan kesalahan.

Contoh kes yang berlaku ke atas seorang pegawai kerajaan yang terlibat dalam prosedur pembayaran dalam perolehan. Beliau menyatakan terdapat technical error semasa membuat pengesahan tuntutan tersebut disebabkan beliau menerima arahan lisan daripada pihak atasannya untuk mengesahkan pembekalan telah dijalankan. Sebagai orang bawahan, beliau bertindak mengikut arahan tanpa memikirkan implikasi kepada diri sendiri di atas tindakan tersebut. Apabila berlaku tohahan beliau dituduh di mahkamah dan gagal membuktikan beliau mengikut arahan kerana tiada sebarang bukti yang boleh dikemukakan. Akhirnya, berdasarkan bukti yang ada beliau didapati bersalah. Beliau bukan sahaja kehilangan punca rezeki, malah turut menanggung bebanan hutang akibat daripada tindakan technical error tersebut.

Banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh dibaca melalui laporan-laporan media berkaitan dengan kes tuntutan palsu ini. Ironinya, ramai yang tidak tahu mereka menanggung hukuman atas kesalahan orang lain.

Iktibarnya perlu diambil sebagai panduan agar tidak terjerumus dengan kesalahan ini. Jangan sesekali mengambil mudah akan setiap tindakan yang dibuat. Jika merasakan arahan yang diberi tidak mematuhi peraturan yang sewajarnya, pastikan tidak mengikut arahan tersebut. Tindakan kita pada hari ini penting bagi memastikan langit esok masih cerah. Jangan biarkan awan hitam meliliti hidup demi kesenangan orang lain.

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK ANTI RASUAH 2016

▼
▼

Tempat pertama -RM5,000.00
Tempat kedua-RM3,000.00
Tempat ketiga -RM1,000.00
Saguhati (4 & 5)-RM 300.00

TEMA

- i). SPRM dipantau oleh lima badan bebas
- ii). Peranan dan kuasa SPRM
- iii). Isu ikian jerung dan ikian bilis
- iv). Isu rasuah dipolitikkan
- v). Laporan rasuah
- vi). Akta Pemberi Maklumat 2010/Akta Perlindungan Saksi 2009
- vii). Bila hadiah menjadi rasuah?
- viii). Perangi orang tengah (middleman)

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Penyertaan terbuka kepada pelajar :

- Universiti Awam (UOA)
- Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- Institut Pendidikan Masa (IPMa)
- Universiti Swasta (US) di seluruh Malaysia

Video hendaklah dimuat naik (upload) ke dalam YouTube bermula 28 April 2016 sehingga 31 Oktober 2016. (hantarkan url video kepada ajk pertandingan).

Pertandingan ini adalah berdasarkan like, teringgi dan juga keputusan panel juri profesional SPRM.

Durasi video diantara 30 saat - 60 saat.

Karya boleh dalam pelbagai bahasa (walaupun jika menggunakan bahasa lain dalam bahasa melayu ika menggunakan bahasa lain)

Setiap penyertaan tersebut akan menjadi hak milik SPRM*

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :
 Siti Zakiah binti Che Man (03 8886 7336 / 019 2770 667) / zakiah@sprm.gov.my
 Rozlina Binti Hashim (019 5787 901) / rozrina@sprm.gov.my
 Noraini Binti Ahmad (03 8886 7883 / 017 3798 104) / noraini.ahmad@sprm.gov.my

*Hak kary dari setiap penyertaan tersebut akan menjadi hak milik SPRM sepenuhnya dan boleh digunakan untuk apa-apa tujuan berkenaan tanpa perlu membayar bayaran atau apa-apa bayaran lain kehadipan hak cipta mereka. PPA dan hukum hak cipta tidak memberikan hak untuk menerima manfaat merau atau mengelakkan orang yang mempunyai hak cipta tersebut dari mendapat manfaat dari hak cipta mereka.

SILANGKATA

S	C	P	O	W	Q	V	N	Z	E	S	T	H	P	L
B	C	H	V	U	Q	I	P	Q	R	H	E	J	A	B
B	K	J	L	N	N	K	V	R	J	T	P	E	U	E
W	J	Y	U	U	B	D	K	F	D	E	S	A	Y	H
L	R	E	U	B	O	G	I	V	R	O	W	H	A	A
M	A	X	E	Y	N	F	U	K	Y	C	M	U	T	Y
K	M	R	L	A	U	D	H	L	T	H	S	R	D	F
J	I	G	W	V	S	I	M	E	A	A	A	J	Y	
A	R	T	M	R	D	S	Z	D	R	L	U	G	V	J
W	E	V	C	M	J	K	I	C	G	H	P	N	V	S
A	T	B	A	F	Z	A	Y	M	K	C	A	E	R	J
T	R	T	Y	G	H	U	J	X	J	M	H	P	R	K
A	A	X	R	K	G	N	G	A	B	J	W	I	O	C
N	R	B	B	X	B	L	W	B	G	Z	N	U	M	B
I	I	D	O	X	O	W	L	B	A	K	H	H	E	K

TERIMA	UPAH
BERI	UNDI
RASUAH	PERKHIDMATAN
PENGARUH	DISKAUN
WANG	JAWATAN
HADIAH	BONUS



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA